

13 JUN 2000

Mahathir-Tiba/I

DR MAHATHIR PULANG DARI LAWATAN SEMINGGU KE JEPUN

SUBANG, 13 Jun (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad pulang ke tanah air hari ini selepas melakukan lawatan kerja selama seminggu ke Jepun.

Dr Mahathir, yang diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dan delegasi enam anggota, tiba di lapangan terbang Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah di sini pukul 4 petang dengan pesawat khas kerajaan Malaysia.

Antara yang hadir untuk menyambut ketibaannya ialah Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, Menteri Pengangkutan Datuk Seri Dr Ling Liong Sik dan beberapa menteri kabinet yang lain.

Semasa lawatan itu, Dr Mahathir telah menyertai pemimpin dunia yang lain untuk menghadiri upacara pengebumian mendiang Perdana Menteri Jepun Keizo Obuchi di Tokyo pada Khsmis lepas.

Obuchi meninggal dunia pada 14 Mei, enam minggu selepas diserang angin ahmar.

Dr Mahathir juga mengunjungi Yoshiro Mori yang dilantik menggantikan Obuchi sebagai Perdana Menteri.

Beliau turut menghadiri Persidangan Antarabangsa ke-6 Nikkei di Tokyo yang diadakan bagi merangka strategi untuk meningkatkan kadar pemulihan Asia Timur selepas krisis kewangan pada tahun 1997.

Dr Mahathir menyampaikan ucapan pada persidangan mengenai "Masa Depan Asia" anjuran kumpulan media Nihon Keizei Shimbun.

Perdana Menteri juga singgah di Nagoya untuk melawat sebahagian daripada kilang-kilang moden milik syarikat multinasional Jepun.

-- BERNAMA

HS ZS NMO